

Soalan No : 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **Y.B. Tuan Oscar Ling Chai Yew [
SIBU]**

TARIKH **15.3.2015**

SOALAN

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap tuntutan autonomi sepenuhnya dalam bidang pendidikan yang dicadangkan oleh Kerajaan Sarawak. Adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan Malaysia, supaya kuasa autonomi sepenuhnya diberikan kepada Kerajaan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Negara kita melaksanakan sistem pendidikan berpusat. Semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan serta Pekeliling dan Arahan Kerajaan Persekutuan. Kewujudan Jabatan Pendidikan di setiap negeri bertujuan untuk melancarkan pengurusan pendidikan seluruh negara. Walau bagaimanapun, negeri diberi kebebasan mengurus pendidikan negeri masing-masing dengan tertakluk kepada arahan yang diputuskan di peringkat pengurusan pusat.